



UPNM


National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

PROSEDUR SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN

PK(0). UPNM. PNCPPPS. 02

	DISEDIAKAN OLEH	DILULUSKAN OLEH
TANDATANGAN		
NAMA	KOLONEL SOFIAN BIN KAMARUDDIN (BERSARA)	LT JEN DATUK HASAGAYA BIN ABDULLAH
JAWATAN	PENGARAH KANAN, BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK DAN PERANCANGAN STRATEGI	NAIB CANSELOR
TARIKH	22 MAC 2022	22 Mac 2022

SENARAI EDARAN SALINAN DOKUMEN TERKAWAL

No. Salinan Kawalan	Penerima	Tarikh Edaran Diterima	Tandatangan	Tarikh Edaran Dipinda	Catatan
01	NAIB CANSELOR	22 / 03 / 2022			Hard Copy
02	PENGURUS KUALITI	22 / 03 / 2022			Hard Copy

REKOD PINDAAN	
---------------	--

Adalah menjadi tanggungjawab Pemegang Dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen ini sentiasa dikemas kini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dinyatakan di dalamnya.

[illegible]

	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPPS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 1/11

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan menjelaskan proses yang terlibat dalam menjalankan aktiviti siasatan kemalangan pekerjaan yang akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Khas Penyiasatan Kemalangan Pekerjaan secara cekap dan berkesan.

2.0 SKOP

Skop prosedur ini merangkumi penentuan pasukan penyiasat berdasarkan situasi kemalangan atau kejadian berbahaya, keracunan atau penyakit pekerjaan termasuk aduan yang diterima, persediaan sebelum siasatan, kaedah siasatan, dan hasil siasatan.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Manual Kualiti UPNM – MK.UPNM.01
- 3.2 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
- 3.3 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004.
- 3.4 Garis Panduan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Merbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) Peraturan 2004 (NADOPOD), 2005

	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPPS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 2/11

4.0 DEFINISI

- 4.1 **Hazard** – Punca, situasi atau tindakan yang berpotensi untuk memudaratkan sama ada kecederaan atau gangguan kesihatan, kerosakan harta, kerosakkan persekitaran tempat kerja atau kombinasi diantaranya.
- 4.2 **Insiden** – Kejadian yang berkaitan dengan pekerjaan yang boleh menyebabkan kecederaan, masalah kesihatan atau kematian.
- 4.3 **Kemalangan atau Kejadian Berbahaya (Major)** - Kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam JADUAL PERTAMA dan JADUAL KEDUA, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004.
- 4.4 **Kemalangan atau Kejadian Berbahaya (Minor)** - Kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan tidak termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam JADUAL PERTAMA dan JADUAL KEDUA, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004.
- 4.5 **Kemalangan Nyaris** – Merujuk kepada apa-apa kemalangan di tempat kerja yang berpotensi untuk menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau kerosakan kepada apa-apa harta.
- 4.6 **Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan** – Merujuk kepada keracunan atau penyakit yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam JADUAL KETIGA, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004.

	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPPS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 3/11

- 4.7 **Pasukan Penyiasat** - Jawatankuasa Khas Penyiasatan Kemalangan Pekerjaan yang ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UPNM.

5.0 (A) SINGKATAN

BIL.	SINGKATAN	NAMA PENUH
1.	FPJB	Fakulti, Pusat, Jabatan, dan Bahagian
2.	KKP	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
3.	OHD	Doktor Kesihatan Pekerjaan
4.	Pnylrs	Penyelaras - Pegawai Sains di Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
5.	UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
6.	UKKP	Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

(B) ISU-ISU RISIKO

- i. Majikan didenda atau dipenjara disebabkan tidak mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).
- ii. Kes kemalangan dan kesihatan pekerjaan tidak dapat diselesaikan.
- iii. Risiko kemalangan akan meningkat.

	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPTS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 4/11

6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	
	A. MENENTUKAN JENIS KEMALANGAN	
Pnylrs	1.	Tentukan jenis kemalangan a) Kemalangan atau kejadian berbahaya (major) b) Kemalangan atau kejadian berbahaya (minor) c) Keracunan atau penyakit pekerjaan d) Kemalangan nyaris
	B. MENENTUKAN PASUKAN PENYIASAT BERDASARKAN SITUASI KEMALANGAN/KEJADIAN BERBAHAYA DAN ADUAN YANG DITERIMA	
Pnylrs	1.	Semua kemalangan atau kejadian berbahaya (major) yang berlaku di dalam UPNM hendaklah disiasat oleh Penyiasat Major yang terdiri daripada pegawai-pegawai berikut: - Ketua Penyiasat (Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UPNM) - Penyiasat 1 (Pegawai Sains di UKKP) - Penyiasat 2 (Semua ahli Jawatankuasa Khas Penyiasatan Kemalangan) - Penyiasat 3 (Pegawai/individu yang terlibat secara langsung)

	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPPS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 5/11

		v. Lain-lain seperti wakil Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP), Bahagian Keselamatan, dan Pusat Kesihatan UPNM.
Pnylrs	2.	Semua kemalangan/kejadian berbahaya (minor) yang berlaku di dalam UPNM hendaklah disiasat oleh Penyiasat Minor yang terdiri daripada pegawai-pegawai berikut: i. Ketua Penyiasat (Pengurus Jawatankuasa Khas Penyiasatan Kemalangan) ii. Penyiasat 1 (Pegawai Sains di UKKP) iii. Penyiasat 2 (Ahli Jawatankuasa Khas Penyiasatan Kemalangan – sekurang-kurangnya 2 orang ahli) iv. Penyiasat 3 (Pegawai/individu yang terlibat secara langsung)

	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPPS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 6/11

Pnylrs	3.	Semua keracunan pekerjaan/penyakit pekerjaan yang berlaku di UPNM hendaklah disiasat oleh Penyiasat Khas Keracunan Pekerjaan/Penyakit Pekerjaan yang terdiri daripada pegawai-pegawai berikut: i. Ketua Penyiasat (Doktor Kesihatan Pekerjaan – OHD) ii. Penyiasat 1 (Pegawai Sains di UKKP) iii. Penyiasat 2 (Ahli Jawatankuasa Khas Penyiasatan Kemalangan – sekurang-kurangnya 2 orang ahli)
Pnylrs	4.	Semua aduan KKP dan kemalangan nyaris yang berlaku di dalam UPNM hendaklah disiasat oleh Penyiasat Aduan/ Kemalangan Nyaris yang terdiri daripada pegawai-pegawai berikut: i. Ketua Penyiasat (Pegawai Sains di UKKP) ii. Penyiasat 1 (Wakil pengurusan atau wakil pekerja yang berkenaan) iii. Lain-lain (jika ada)

	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPPS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 7/11

C. PEMAKLUMAN KATEGORI SIASATAN		
Pnylrs	1.	Maklumkan kategori siasatan yang akan dijalankan kepada pihak FPJB. a) Sekiranya melibatkan Siasatan Major nyatakan tarikh, waktu dan permohonan penyediaan ahli Penyiasat Major dari FPJB melalui panggilan telefon. b) Sekiranya melibatkan Siasatan Minor, keluarkan surat menyatakan tindakan siasatan perlu dilakukan diperingkat FPJB dengan melibatkan Penyiasat Minor dan perlu mengemukakan laporan siasatan dengan kadar segera. c) Sekiranya melibatkan Siasatan Keracunan Pekerjaan atau Penyakit Pekerjaan, nyatakan tarikh, waktu dan permohonan penyediaan ahli Penyiasat Khas Keracunan Pekerjaan atau Penyakit Pekerjaan dari FPJB melalui surat dan salinkan kepada OHD dengan kadar segera. d) Sekiranya melibatkan Siasatan Aduan KKP/ Kemalangan Nyaris, nyatakan tarikh, waktu dan permohonan penyediaan ahli Penyiasat Aduan dari FPJB melalui surat/telefon/e-mail dengan kadar segera.

	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPPS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 8/11


D. KAEDAH SIASATAN		
Pnylrs	1	a) Bagi Siasatan Kemalangan atau Kejadian Berbahaya Major, dokumen yang perlu disediakan adalah seperti berikut: i. Borang Laporan Kemalangan Insiden ii. Borang Mangsa iii. Borang JKPP6 iv. Lain-lain dokumen yang berkaitan
Pasukan Penyiasat		b) Bagi Siasatan Kemalangan atau Kejadian Berbahaya Minor, dokumen yang perlu disediakan adalah seperti berikut i. Borang Laporan Kemalangan Insiden ii. Borang Mangsa
Pasukan Penyiasat		c) Bagi Siasatan Keracunan Pekerjaan/Penyakit Pekerjaan, dokumen yang perlu disediakan adalah seperti berikut i. Borang Laporan Kemalangan Insiden ii. Borang Mangsa iii. Borang JKPP7 iv. Lain-lain dokumen yang berkaitan.
Pasukan Penyiasat		d) Bagi Siasatan Aduan KKP atau Kemalangan Nyaris - Borang Aduan KKP atau Kemalangan Nyaris - Lain-lain dokumen yang berkaitan

	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPTS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 9/11

		E. JALANKAN SIASATAN
Pasukan Penyiasat	1.	Jalankan siasatan dengan melawat tempat kejadian dan siasatan dilaksanakan berdasarkan pada mana-mana atau gabungan kaedah berikut: i. Temuduga ii. Soal Selidik iii. Pemerhatian iv. Pengesahan v. Semakan dokumen, rekod dan proses kerja
		F. REKOD SIASATAN
Pnylrs	1.	a) Rekodkan hasil siasatan ke dalam Borang Laporan Penyiasatan Kemalangan bagi kes kemalangan pekerjaan atau kejadian berbahaya atau keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan dan kemalangan nyaris. b) Lengkapkan borang/dokumen yang telah dinyatakan dalam Para D1 c) Dapatkan gambar berkaitan tempat kejadian. d) Adakan perbincangan dengan semua pihak yang terlibat untuk mengenalpasti punca kejadian/kemalangan, cadangan tindakan pembetulan dan tindakan pencegahan.

	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPPS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 10/11

7.0 CARTA ALIR



	PROSEDUR OPERASI SIASATAN KEMALANGAN PEKERJAAN	No. Ruj. Dokumen : PK(O).UPNM.PNCPPPS.02
		No. Keluaran : 01
		No. Pindaan : 00
		Tarikh : 22 Mac 2022
		Muka surat : 11/11

8.0 REKOD KUALITI

BIL	NAMA REKOD	LOKASI	TEMPOH PENYIMPANAN
1.	Borang Laporan Kemalangan Insiden	Pejabat Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	7 Tahun
2.	Borang Mangsa		
3.	Borang JKJP 6		
4.	Borang JKJP 7		
5.	Borang Aduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan		
6.	Borang Laporan Penyiasatan Kemalangan		

9.0 LAMPIRAN

- Tiada